

## **BAB KEDUA**

### **KONSEP AKIDAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

#### **2.1 Pendahuluan**

Akidah merupakan persoalan terpenting dalam kehidupan Muslim. Menurut Islam akidah menjadi asas atau tapak bagi pembinaan Islam keseluruhannya.<sup>1</sup> Dari sudut yang lain juga akidah dapat disifatkan sebagai benteng yang paling teguh bagi menjaga dan mengawasi segala bentuk penyelewengan, penyesatan dan syak wasangka yang mungkin menyerang pemikiran seseorang Islam. Dewasa ini didapati banyak penyelewengan berlaku sama ada dari segi pemikiran atau percakapan, lebih-lebih lagi tingkah laku yang semuanya berpunca daripada ketidakfahaman terhadap asas akidah Islam secara mendalam, sedangkan kefahaman itu suatu tuntutan untuk melahirkan keyakinan dan penghayatan Islam secara menyeluruh.

Di dalam bab ini penulis akan memfokuskan perbincangan mengenai definisi akidah, menyentuh secara umum tentang prinsip-prinsip akidah dan penulis juga akan membincangkan tentang beberapa perkara yang penting berkaitan dengan akidah.

---

<sup>1</sup> Abdul Rashid Ahmad (2003), *Kuliyyah Tafsir Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn. Bhd., h. 51.

## 2.2 Definisi Akidah

### **2.2.1 Akidah Dari Segi Bahasa:**

Perkataan akidah dalam bahasa Arab berasal dari kata dasar ‘*aqada* yang bermaksud “ikat”. Dari kata ini lahirnya perkataan *al-‘aqd* yang membawa maksud hukum, perjanjian dan pemastian, seperti akad sumpah, akad nikah dan akad jual beli. Perkataan ‘*aqidah* (kata *jama’nya* ‘*aqa’id*) membawa maksud, apa yang berkaitan dengan pegangan dan anutan dan tidak termasuk aspek amalan. Ia juga bermaksud hukum yang tidak syak lagi bagi seseorang individu. Makna yang akhir ini disebut juga sebagai *mu’taqad* (*jama’nya mu’taqadat*).<sup>2</sup>

Akidah yang berasal dari kata kerja 'aqoda, ya'qidu' juga membawa maksud ikatan atau simpulan yang kuat dan teguh seperti tali.<sup>3</sup> Dalam al-Quran tidak terdapat perkataan akidah, namun perkataan dasarnya iaitu 'aqoda ( أَقْدَأْ ) telah disebut sebanyak tujuh kali dalam lima surah berlainan:

<sup>2</sup>Ahmad Mukhtar ‘Umar, *et al.* (1989), *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi*, Tunis: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah, h. 853. Lihat juga Kafrawi Ridwan, MA dkk (1996), *Ensiklopedia Islam*. Jakarta: PT, Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 24.

<sup>3</sup> Al-Fayruz Abadi, Muhammad Ibn Ya'kub (1987) *al-Qamus al-Muhit*. kaherah: Muassasah al-Risalah, h. 383-384.

1) Surah al-Maidah ayat 1 :

يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ أَوْفُوا بِالْعُهُودِ  
أَحِلَّتْ لَكُمْ بِهِمَةُ الْأَنَعَمِ إِلَّا مَا يُتَّلِّي  
عَلَيْكُمْ غَيْرُ مُحْلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرُومٌ  
إِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Surah al-Maa-idah (5) : 1

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu. Dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya.”

2) Surah al-Maidah ayat 89 :

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ  
وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ  
فَكَفَرَتُهُ إِطَاعَمٌ عَشَرَةِ مَسَكِينَ مِنْ

أَوْسَطٌ مَا تُطِعْمُونَ أَهْلِيْكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ  
 أَوْ تَحْرِيرٌ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ تَجِدْ فَصِيَامُ  
 ثَلَثَةٌ أَيَّامٌ ذَلِكَ كَفَرَةٌ أَيْمَنِكُمْ إِذَا  
 حَلَفْتُمْ وَأَحْفَظُوا أَيْمَنِكُمْ كَذَلِكَ  
 يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



Surah al-Maa-idah (5): 89

*Maksudnya : “ Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja, Maka kaffarat (melanggar) sumpah itu, ialah memberi makan sepuluh orang miskin, yaitu dari makanan yang biasa kamu berikan kepada keluargamu, atau memberi Pakaian kepada mereka atau memerdekaan seorang budak. barang siapa tidak sanggup melakukan yang demikian, Maka kaffaratnya puasa selama tiga hari. yang demikian itu adalah kaffarat sumpah-sumpahmu bila kamu bersumpah (dan kamu langgar). dan jagalah sumpahmu. Demikianlah Allah menerangkan kepadamu hukum-hukum-Nya agar kamu bersyukur (kepada-Nya). ”*

3) Surah al-Baqarah ayat 235:

وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ  
 الْكِتَبُ أَجَلَهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ  
 مَا فِي أَنفُسِكُمْ فَآخِذُوهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ  
 اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

(Surah al-Baqarah 2: 235)

*Maksudnya : “ Dan janganlah kamu ber'azam (bertetap hati) untuk beraqad nikah, sebelum habis 'iddahnya. Dan ketahuilah bahwasanya Allah mengetahui apa yang ada dalam hatimu; Maka takutlah kepada-Nya, dan ketahuilah bahwa Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun.*

4) Surah al-Nisa' ayat 33 :

وَالَّذِينَ عَقدَتْ أَيْمَانُكُمْ فَأَتُوهُمْ نَصِيبَهُمْ  
 إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا

Surah al-Nisa' (4 ): 33

*Maksudnya : “ Dan (jika ada) orang-orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka, maka berilah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah menyaksikan segala sesuatu.”*

5) Surah Thaahaa ayat 27 :

وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنْ لِسَانِي

Surah Thaahaa (20) : 27

*Maksudnya : “ Dan lepaskanlah kekakuan dari lidahku,”*

6) Surah al-Falaq ayat 4

وَمِنْ شَرِّ الْنَّفَثَاتِ فِي الْعَقْدِ

Surah al-Falaq (113) : 4

*Maksudnya : “Dan dari kejahatan wanita-wanita tukang sihir yang menghembus pada buhul-buhul<sup>4</sup>*

Semua ayat-ayat al-Quran yang disebutkan di atas membawa maksud simpulan dan ikatan. Berdasarkan pendapat-pendapat pakar bahasa serta penggunaannya dalam al-Quran, perkataan ‘aqoda yang membawa maksud simpulan atau ikatan boleh digunakan kepada perkara yang berbentuk fizikal dan maknawi. Ikatan yang berbentuk fizikal adalah seperti ikatan tali yang tersimpul dan kuat. Manakala ikatan yang berbentuk

<sup>4</sup> Biasanya tukang-tukang sihir dalam melakukan sihirnya membuat buhul-buhul dari tali lalu membacakan jampi-jampi dengan menghembus-hembuskan nafasnya ke buhul tersebut.

maknawi inilah melahirkan perkataan akidah yang digunakan secara khusus terhadap ideologi ataupun kepercayaan.<sup>5</sup>

Ibn Manzur dalam *Lisan al-'Arab* menjelaskan bahawa akidah bermaksud mengikat, menguasai, perjanjian, pegangan, menambat dan kukuh iaitu sesuatu yang telah tersimpul atau terikat serta turut membawa makna sesuatu yang telah teguh dan telah mantap. Manakala dari sudut istilah ia bermaksud sebagai disebut kepada sesuatu yang pasti iaitu yang benar bukannya yang batil.<sup>6</sup>

Kitab *Mu'jam Maqayis al-Lughah* menterjemahkan akidah sebagai satu ikatan atau simpulan yang diikat dengan kuat dan rapi.<sup>7</sup> Apabila akidah dipadankan dengan Islam, maka ia membawa maksud satu bentuk kepercayaan dan keimanan yang perlu dipegang kuat-kuat dan sungguh-sungguh agar ia tersemat mantap di jiwa dan tidak gugah walaupun apa juu cabaran yang mendatang.<sup>8</sup>

Akidah dan iman umumnya disebut dengan maksud yang sama.<sup>9</sup> Ia bermaksud keyakinan tertentu yang didokong dan dihayati oleh seseorang mukallaf. Ia boleh diertikan sebagai “ilmu” sebagaimana firman Allah S.W.T :

---

<sup>5</sup> Mohd. Sulaiman Bin Yasin (1985), *Islam Dan Akidah : Satu Pengantar*. Subang Jaya : Percetakan al-Qamari, h. 246.

<sup>6</sup> Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, (1968), *Lisan al 'Arab*, j. 3. Beirut: Dar Sadir, h. 296-299

<sup>7</sup> Abu Husayn Ahmad b. Faris Zakaria (1991), *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. 'Abdul al-Salam Muhammad Harun (terj.), j. 4, Beirut: Dar al-Jayl, h. 90. Lihat juga Munawwir (1984), *Kamus Munawwir*. Yogyakarta: PP. al-Munawwir, h. 1023.

<sup>8</sup> Muhammad b. Ibrahim al-Hamd (1998), *Aqidah Ahl-Sunnah wa al-Jama'ah*. Riyad: Dar Ibn Khuzaymah, h. 10.

<sup>9</sup> al-Quran misalnya memperkatakan tentang akidah dengan lafaz “iman” yang disebut beserta dengan “amal soleh” yang mewakili aspek syariah, lihat *al-Kahf*, 18:107 dan *al-Nahl*, 16: 97. Lihat juga

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Surah Muhammad (47) : 19

Maksudnya: “*Dan ketahuilah bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah*”

Oleh yang demikian para ulama’ akidah berpendapat bahawa akidah (*al-I’tiqad*), ilmu (*al-ilm*) dan makrifah (*al-ma’rifah*) adalah sama, bahkan ada yang mendefinisikan ilmu itu sebagai: “Pegangan yang teguh (*al-I’tiqad al-jazim*) yang bertepatan dengan realiti.”<sup>10</sup>

Ini secara jelas berlainan dengan apa yang difahami di Barat yang membezakan antara akidah dan ilmu atau sains, di mana akidah dianggap sebagai suatu bentuk keimanan yang lahir dari sumber yang tidak dapat dipastikan atau yang tidak disedari sumbernya, yang memaksa manusia supaya mempercayainya tanpa dalil. Ia kadang-kadang bertepatan dengan realiti, tetapi dalam banyak keadaan tidak bertepatan sama sekali.<sup>11</sup> Fahaman sebegini tentang akidah, bukan sahaja menyeluruh merangkumi akidah yang benar dan juga yang batil, namun ia juga telah merendahkan kedudukannya berbanding sains. Ini kerana, apabila sains pada pandangan Barat didirikan di atas dalil dan hujah akal yang jelas serta bertepatan pula dengan realiti sebenar, akidah pula

---

Muhammad Baysar, *al-‘Aqidah wa al-Akhlaq*, h. 94. Lihat juga Muhammad al-Ghazali (1990), ‘*Aqidah al-Muslim*, Alexandria: Dar al-Da’wah, h. 135-138 dan Ahmad al-Tayyib (1993), “Muqawwimat al-Islam”, dalam H.I.A. al-Zahir *et al.*, *Buhuth fi al-Thaqafah al-Islamiyyah*, Doha: Dar al-Hikmah, h. 233-234.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 229.

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 227.

dianggap sama sekali tidak memiliki ciri-ciri tersebut, bahkan dikatakan sekiranya sesuatu akidah itu dapat dibuktikan dan disokong dengan hujah yang jelas dan tepat, ia tidak lagi dianggap sebagai akidah, sebaliknya dikategorikan sebagai sains.<sup>12</sup>

Louis Ma'luf pula dalam Kamus Munjit karangan beliau mendefinisikan bahawa akidah ialah sesuatu yang diyakini oleh hati nurani manusia tentang sesuatu yang telah nyata dalam keyakinannya.<sup>13</sup>

Selain itu, apabila kita bercakap mengenai “Akidah”, sesungguhnya kita sedang bercakap dalam daerah kepercayaan, keyakinan dan keimanan. Hal ini jelas bila kita merujuk kepada Kamus Dewan, di mana perkataan “Akidah” dalam kamus tersebut merujuk kepada *kepercayaan dan keyakinan* atau dengan lain perkataan *rukun agama yang menjadi asas kepada keimanan yang diyakini*.<sup>14</sup>

Manakala perkataan “kepercayaan” yang menjadi salah satu unsur makna kepada perkataan akidah ialah keyakinan atau akuan akan benarnya (adanya, berlakunya) sesuatu, iman, iktikad atau sesuatu yang dipercayai (diyakini dan diterima sebagai benar).<sup>15</sup> Perkataan “keyakinan” pula bermaksud kepercayaan yang sungguh-sungguh,

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 227-228. Bandingkan Jamil Saliba (1982), *al-Mu'jam al-Falsafi*, Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, c.v. al-iman. Lihat juga perbezaan persepsi tentang pengetian ilmu dalam tradisi Islam dan barat, Mohd. Yusof Uthman (1998), *Isu-isu Dalam Ilmu dan Pemikiran*. Kajang : Aras Mega Sdn. Bhd, h. 3-15. Juga tentang cabaran sains dan teknologi moden terhadap keutuhan agama dalam baharuddin Ahmad, “Agama dan Cabaran Zaman Moden,” dalam *Pemikir*, Bil. 4 : April-Jun, 1996, h. 116-123. Lihat juga Wan Suhaimi Wan Abdullah (2004), *Akidah Islam Dan Keyakinan Muslim Antara Kekuatan Mencabar Atau Sasaran Pencabar dalam Jurnal Pemikiran Islam Dan cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Universiti Malaya, h. 4-5.

<sup>13</sup> Louis Ma'luf (1992), *al-Munjit fi al-Lughah wa A'lam*. Beirut: Dar al-Mashriq, h. 519.

<sup>14</sup> Noresah Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 1181

kepastian, kesungguhan dan ketentuan.<sup>16</sup> Manakala perkataan “Keimanan” bermaksud keyakinan terhadap wujudnya Allah dengan hati , yang dilafazkan dengan kata-kata dan dilaksanakan dengan amalan.<sup>17</sup>

Oleh itu dapat difahami di sini bahawa “akidah” adalah merujuk kepada perihal kepercayaan, keyakinan dan keimanan. Ini juga bermakna bahawa “akidah” itu adalah sinonim dengan “keimanan” atau “iman” yang mana selaras dengan penggunaan al-Quran seperti yang diulas oleh Dr. Salah Abd al-'Alim Ibrahim dalam tulisan beliau al-'Aqidah fi Daw' al-Quran al-Karim' iaitu "Dan apabila kita merujuk kepada al-Quran al-Karim kita dapati al-Quran mengungkapkan mengenai "akidah" itu dengan istilah "iman"..."<sup>18</sup> sebagaimana terungkap dalam firman Allah S.W.T. :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
 يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ تَجْرِي مِنْ  
 تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ فِي جَنَّتِ النَّعِيمِ

Surah Yunus (10): 9

*Maksudnya:*

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal saleh, mereka diberi petunjuk oleh Tuhan mereka Karena keimannnya, di bawah mereka

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 1811.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 568

<sup>18</sup> Salah 'Abd al-'Alim Ibrahim (1982), *al-'Aqidah fi Daw' al-Quran al-Karim*. Qaherah: Maktabah al-Azhar, h. 7. Lihat juga Zakaria Stapa (2001), *Konsep Akidah dan Pandangan al-Ghazali Mengenai Proses Pendidikan Akidah dalam Islam, Akidah dan Kerohanian*, Edisi Ketiga. Selangor: UKM, h. 102.

*mengalir sungai-sungai di dalam syurga yang penuh kenikmatan.”*

Jika dirujuk Kamus Dewan perkataan Iktikad pula hampir sama dengan perkataan akidah iaitu bermaksud kepercayaan atau keyakinan di dalam hati yang berkaitan dengan rukun iman.<sup>19</sup>

### **2.2.2 Akidah Dari Segi Istilah :**

Dari sudut Istilahnya, Said Hj. Ibrahim mendefinisikan akidah iaitu suatu penyelidikan dan pemeriksaan kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan *sam'iyyat*<sup>20</sup> dengan dalil *yaqiniyyah* dan *naqliyyah* yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada di dalam hati seseorang manusia.<sup>21</sup>

Hassan al-Banna mendefinisikan bahawa akidah ialah hal yang berhubung kepercayaan dan keyakinan dalam hati yang akan mendorong hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan ragu, bersih dan murni daripada segala perasaan syak wasangka. Ia dapat melahirkan suatu keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadah kepada Zat Yang Maha Kuasa.<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 565.

<sup>20</sup> Disebut juga ‘*ghaibiyyat*’ yang bermaksud perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dicapai dengan pancaindera namun ia diketahui melalui perkhabaran al-Quran dan al-Sunnah. Lihat Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti (1993), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. c. 8. Dimashq : Dar al-Fikr, h. 301.

<sup>21</sup> Said Hj. Ibrahim (1996), *Aqidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah*, c. 2. Kuala Lumpur : Dar al-Ma’rifah, h. 9. Lihat juga Husein Muhamad al-Jasr al-Tarabusi (1982), *Benteng Akidah Islam*, Dusuki Bin Ahmad (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. ix.

<sup>22</sup> Hassan al-Banna (t.t), *al-‘Aqaid*, Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islam, h. 7.

Dalam kitab yang lain pula, Hassan al-Banna ada menjelaskan definisi Akidah dengan maksud segala perkara yang wajib diyakini dan dipercayai oleh hati dan jiwa kepada Allah, sehingga benar-benar yakin kepadaNya tanpa ada sebarang keraguan sedikit pun.<sup>23</sup> Umpamanya, apabila seseorang beriktkad wujudnya Allah, maka ia wajib yakin dan percaya bahawa Allah itu memang wujud dan tidak menyerupai dengan sebarang makhluk, bersifat dengan segala sifat kesempurnaan berbeza dengan makhlukNya dan tidak ada sedikit pun kekurangan padaNya. Keyakinan itu tidak ada sedikit pun keraguan dan syak.

Dalam maksud yang lain, akidah itu adalah satu keyakinan yang penuh tulus dan kudus lahir dari sudut hati dengan dihiasi perasaan cinta dan kasih yang mutlak hanya kepada Allah semata-mata melebihi daripada segala apa yang dicintai di dunia yang fana' ini. Dengan kata lain, keimanan kepada Allah adalah merangkumi Tauhid Rububiyyah dan Tauhid Uluhiyyah yang menyaksikan Allah sebagai pencipta dan pentadbir agung alam semesta ini.

Haron Din berpandangan bahawa akidah Islam adalah sesuatu yang tetap padu sepanjang masa dan tidak akan mengalami sebarang perubahan selama-lamanya. Akidah Islam bersifat '*al-thabat wa al-murunah*',<sup>24</sup> adalah sesuai diamalkan oleh manusia pada sepanjang masa dan dalam apa juu keadaan.

---

<sup>23</sup> Hassan al-Banna (t.t), *Majma' al-Rasail*, T.T.P: T.P, h. 379.

<sup>24</sup> Al-thabat bererti kemantapan pada tujuan dan matlamatnya, tetap pada pendekatannya yang melibatkan perkara ranting dan cabang. Lihat Haron Din (1992), *Tasawwur Islam*. Shah Alam : Penerbitan Hizbi, h. 111.

Menurut Sayyid Sabiq akidah didefinisikan sebagai pemberian dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti (putus) tanpa perasaan syak atau ragu sedikit pun.<sup>25</sup> Manakala al-Jaza'iri mendefiniskan akidah sebagai satu bentuk gugusan pernyataan benar yang diterima secara mudah oleh akal manusia, didengar dari sumber wahyu dan secara semulajadinya begitu mudah diterima oleh manusia dalam keadaan hati sanubari mereka tidak sukar untuk menyimpulkan atau menetapkan secara pasti kewujudan dan kesahihan apa yang dipercayainya.<sup>26</sup>

Menurut Zakaria Stapa, “akidah” merupakan satu perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Makna literalnya merujuk kepada ‘ikatan kemas’ atau ‘simpulan mati’ yang melambangkan adanya unsur-unsur makna semacam kekuatan dan keyakinan<sup>27</sup>. Penggunaan perkataan ini dengan bayangan makna yang dibicarakan di sini boleh ditemui dalam firman Allah S.W.T dalam Surah al-Maidah (5): 89 ,

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِالْغَوَّ فِي أَيْمَانِكُمْ  
وَلِكُنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ

Surah al-Maidah (5): 89

*Maksudnya:*

---

<sup>25</sup> Sayyid Sabiq (t.t), *al-Aqaid al-Islamiyyah*. Qaherah: al-Fath li I'lam al-Arab, h. 8

<sup>26</sup> Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri, (t.t), *Aqidah al-Mukmin*. Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 23.

<sup>27</sup> Zakaria Stapa (1999), *Aqidah Dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 2.

*“Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh....”*

Ungkapan “sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh” *al-yamin al-mu‘aqqadah* dalam ayat di atas merujuk kepada perlakuan yang berasaskan persetujuan dan keyakinan yang disertakan dengan qasad, azam dan niat.<sup>28</sup> Dalam perbicaraan di sini makna perkataan *al-mu‘aqqadah* yang menjadi sifat kepada *al-yamin* (sumpah) itulah yang ada hubungan dengan akidah, iaitu kedua-duanya merupakan kata terbitan yang berpunca atau berasal daripada akar kata yang sama iaitu ‘*aqd*’ dan kedua-duanya juga mempunyai unsur makna ‘keyakinan’.<sup>29</sup>

Bagaimanapun, apabila “akidah” diangkat menjadi istilah khusus atau teknikal, maka ia secara umumnya merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan yang cukup pasti lagi putus terhadap sesuatu, tanpa serbarang rasa syak dan keraguan.<sup>30</sup> Oleh itu, dalam perspektif Islam, istilah akidah atau iman dalam konteks teknikal ini tidak cukup untuk menjadi boleh diterima sekiranya ia sekadar hanya terungkap dalam pengisytiharan *verbal* semata-mata, kerana dalam kehidupan biasa cukup ramai sekali kalangan orang munafik yang hipokrit mengisytiharkan secara *lip service* bahawa mereka beriman,

---

<sup>28</sup> Salah Abd al-‘Alim Ibrahim (1982), *op.cit.*, h. 6.

<sup>29</sup> Zakaria Stapa (1999), *op.cit.*, h. 2

<sup>30</sup> Al-Sayyid Sabiq (t.t), *op.cit.*, h. 8.

sedangkan di hati mereka tidak pun wujud walau sekelumit iman. Hal seumpama ini terungkap dalam firman Allah,<sup>31</sup>

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ  
وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ  
تَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ  
أَمَانًا بِاللهِ بِمُؤْمِنِينَ وَمَا  
أَمْنُوا وَالَّذِينَ أَمْنُوا  
تَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ

Surah al-Baqarah (2): 8-9

*Maksudnya:*

*“Di antara manusia ada yang berkata: “Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat”, padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya diri mereka sendiri, sedang mereka tidak menyadarinya”*

Istilah akidah atau iman yang tulen itu, dalam pandangan Islam tidak juga hanya merujuk kepada penunaian serta pelaksanaan tugas-tugas atau syiar tertentu seperti yang selayaknya dilaksanakan oleh kalangan dajal yang hanya bermuka-muka dan menunjukkan-jukkan melakukan perkara kebaikan, sedangkan hati penuh dengan keduurjanaan dan tidak

<sup>31</sup> Zakaria Stapa (1999), *op.cit.*, h. 3.

ikhlas kepada Allah S.W.T.<sup>32</sup> Perkara seumpama inilah yang dijelaskan dalam firman Allah :

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ وَهُوَ  
تَخْنَدِ عُونَ الَّهُ تَعَالَى  
خَدِ عُهُمْ وَإِذَا قَامُوا إِلَى الصَّلَاةِ قَامُوا  
كُسَالَى يُرَاءُونَ النَّاسَ وَلَا يَذْكُرُونَ  
اللَّهَ إِلَّا قَلِيلًا

Surah al-Nisa' (4): 142

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipuan (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membala tipudaya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riya' (memperlihatkan sembahyang) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).”

Jelasnya di sini bahawa perkataan akidah dalam penggunaan bahasa menggambarkan suatu bentuk pegangan yang tetap dan tegas dalam hati tanpa mengambil kira aspek latar

---

<sup>32</sup> Ibid.

belakang dan sumber akidah tersebut. Ia dengan ini merangkumi akidah yang benar seperti ber'iktiqad orang Islam dengan kekuasaan Allah, juga akidah yang salah.<sup>33</sup>

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas dapat disimpulkan di sini bahawa akidah atau iman yang tulen itu, daripada perspektif Islam, bukan hanya sesuatu yang tertumpu semata-mata kepada kerja-kerja yang berlangsung pada peringkat lidah, anggota badan dan mental seseorang. Malahan sesungguhnya secara tepat ia merujuk kepada suatu kerja atau pelaksanaan yang berlangsung pada peringkat spiritual atau dalaman diri seseorang manusia yang amat mendalam, sehingga ia dapat menguasai sepenuhnya seluruh kesedaran, kemahuan dan perasaan orang berkenaan.<sup>34</sup>

Dengan kata lain, akidah adalah iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qada' dan Qadar, beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah di dalam al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w yang sahih yang terdiri daripada asas agama, perintah-perintah, perkhabaran-perkhabaran, ijma' para salaf al-Soleh dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah, perintahNya, syara' taat dan bertahkim kepadaNya serta mengikut Rasulullah s.a.w.<sup>35</sup>

Akidah adalah suatu kekuatan paling utama bagi menguasai segala tindakan dan perilaku seseorang. Oleh sebab itu setiap perkataan dan gerak-geri yang terkeluar daripada seseorang adalah menggambarkan sejauh mana jiwanya terikat dengan akidah,

---

<sup>33</sup>Ahmad al-Tayyib (1993), *op.cit.*, h. 229.

<sup>34</sup>Zakaria Stapa (2001), *op.cit.*, h. 104.

<sup>35</sup>'Abd Karim al-'Aql (t.t), *Mabahith Fi Aqidati Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah*. Saudi Arabia : Dar al-Watan, h. 9.

termasuklah segala lintasan hati, perasaan dan bayangan khayalan. Dengan yang demikian kesemuanya tidak akan terlepas daripada kuasa aktif itu (akidah). Aspek ini tepat dengan pandangan bahawa akidah merupakan otak bagi segala tindakan. Apabila sebahagiannya rosak, maka akan mengakibatkan sebahagian besar menjadi rosak dan akhirnya menyeleweng daripada jalan yang lurus.

Kesimpulannya, akidah adalah keyakinan dan kepercayaan yang mendalam yang lahir dari hati manusia berdasarkan kepada ilmu dan sumber yang sahih serta menjadi pegangan hidup dengan melaksanakan rukun-rukun iman tanpa sebarang syak, ragu-ragu dan tanpa sebarang paksaan. Akidah yang tulen pasti akan melahirkan peribadi dan akhlak yang mulia hasil pancaran iman yang sempurna.

### **2.3 Prinsip-prinsip Akidah**

Akidah merupakan asas atau tunjang di dalam Islam. Oleh yang demikian, akidah mempunyai prinsip-prinsip tertentu yang perlu difahami, dihayati, diyakini dengan pasti dan seterusnya melaksanakan apa yang diperintahkan. Prinsip-prinsip akidah adalah seperti berikut:

#### **2.3.1 Percaya Kepada Allah**

Percaya dan beriman kepada Allah adalah perkara pokok dan dasar utama dalam akidah Islam. Beriman kepada Allah bermaksud meyakini dengan pasti bahawa Allah

adalah Tuhan sekalian makhluk. Hanya Allah sahaja yang layak disembah dan Allah bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan suci dari segala kekurangan.<sup>36</sup>

Beriman kepada Allah merupakan asas segala kehidupan kerohanian.<sup>37</sup> Bermula *ma'rifah* kepada Allah maka akan lahirlah *ma'rifah* kepada nabi-nabi dan rasul-rasul, *ma'rifah* kepada alam ghaib merangkumi malaikat, jin dan roh. Seterusnya akan lahirlah *ma'rifah* kepada kehidupan selepas kematian manusia iaitu alam akhirat yang terdapatnya perhitungan dan pertimbangan amalan manusia serta terdapatnya ganjaran pahala dan azab neraka. Beriman kepada Allah terdiri daripada tiga tauhid<sup>38</sup>, iaitu:

1. Tauhid *Rububiyyah*

Tauhid *Rububiyyah* merupakan pengakuan tegas bahawa Allah S.W.T. sebagai *Rab* atau Tuhan bagi segala sesuatu, Dialah Pemilik, Pencipta dan Pentadbirnya. Tidak ada sesiapa yang dapat melakukan sesuatu kebaikan atau keburukan melainkan dengan izinNya.<sup>39</sup>

Dengan kata lain, Tauhid *Rububiyyah* adalah meyakini bahawa Allah adalah tuhan langit dan bumi dan tidak bersekutu dengan ciptaanNya.<sup>40</sup> Dia lah yang mencipta sekalian makhluk dan mengatur perjalanan kehidupan, yang berhak menghidupkan dan

<sup>36</sup> Muhammad Na'im Yasin (1979), *al-Iman: Arkanuh, Haqiqatuh, Nawaqiduh*, Oman: Jami 'yyah 'Ummal al-Maktabi al-Ta 'awuliyyah, h. 6.

<sup>37</sup> Sayyid Sabiq (t.t), *op.cit.*, h. 10. Lihat juga Sayyid Sabiq (1988), *Aqidah Islam*, Moh. Abdul Rathomy (terj.). Selangor: Klang Book Centre, h. 30.

<sup>38</sup> Tauhid berasal bererti menjadikan dia satu. Lihat Tahir Ahmad al-Razi (t.t), *Tartib al-Qamus al-Muhit*, j 4, h. 533. Lihat juga Abu Mansur Muhammad ibn Ahmad al-Azhari (t.t), *Tahzib al-Lughah*, j. 5, Kaherah: al-Dar al-Misriyyah li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, h. 193.

<sup>39</sup> Hafiz Ibn Ahmad Hamaki (1982), *Su'al-Jawab fi al-'Aqidah al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar 'Itisam, h. 22.

<sup>40</sup> 'Abd Rahman Hasan (1997), *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhā*, Damshik: Dar al-Qalam, h. 159.

mematikan, yang berhak memberi manfaat dan kemudharatan kepada manusia.<sup>41</sup>

Lantaran itu, di antara konsep yang dibawa melalui Tauhid *Rububiyyah* ialah Allah merupakan sumber kejadian, pencipta sekalian alam dan tiada Tuhan selainNya.

Sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ  
إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ



Surah al-An ‘Am (6): 17

Maksudnya:

“ Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapapun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri dan jika Dia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Firman Allah:

---

<sup>41</sup> Muhammad Na ‘im Yasin (1997), *op.cit.*, h. 7.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ  
 وَجَعَلَ الظُّلُمَتَ وَالنُّورَ ٦ ثُمَّ الَّذِينَ  
 كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ

Surah al-An'am (6): 1

Maksudnya:

“ Segala puji tertentu bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang, dalam pada itu, orang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan tuhan mereka.”

Kepercayaan kepada kewujudan tuhan dimiliki oleh manusia di muka bumi. Ini kerana, manusia percaya kepada wujudnya satu kuasa besar yang mengatur dan menentukan kehidupan. Malangnya, yang dianuti ini tidak di dasarkan kepada sumber yang benar dan akhirnya menyeleweng dari landasan kebenaran.

## 2. Tauhid *Uluhiyyah*

Tauhid *Uluhiyyah* bermaksud seseorang yang telah menetapkan bahawa segala ibadatnya hanya kepada Allah semata-mata.<sup>42</sup> Dengan erti kata lain, Tauhid *Uluhiyyah* bermaksud keyakinan yang pasti kepada Allah sebagai Tuhan yang Esa yang wajib disembah. Ibadat yang dilakukan penuh dengan keikhlasan hanya kepada Allah, zahir dan batin tanpa ada sesuatu di antaranya.

---

<sup>42</sup> Muhammad Na 'im Yasin (1979), *op.cit.*, h. 12. Lihat juga Hafiz Ibn Ahmad Hamaki (t.t), *op.cit.*, h. 19.

Kalimah syahadah yang sering diungkapkan merupakan kalimah tauhid yang membezakan di antara muslim dan bukan muslim. Ini kerana kalimah syahadah merangkumi ketiga-tiga tauhid di mana perbahasan mengenai Allah dibahas secara mendalam dari sudut *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* mahupun *al-asma' wa sifat*. Oleh itu, Tauhid *Uluhiyyah* merupakan permulaan agama bagi seseorang dan pengakhiran kehidupan yang baik bagi muslim yang beriman.<sup>43</sup>

Untuk tujuan Tauhid *al-Uluhiyyah* inilah Allah S.W.T. mengutuskan para RasulNya,<sup>44</sup> sebagaimana terdapat dalam firmanNya:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا  
أَنْ جَاءَ أَنَّهُ رَّبُّ الْإِلَهَاتِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
فَاعْبُدُونِ

Surah al-Anbiyaa' (21): 25

Maksudnya:

“ Dan Kami tidak mengutus sebelummu (wahai Muhammad) seorang Rasul melainkan Kami wahyukan kepadanya: “Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disebah) melainkan Aku. Oleh itu, beribadatlah kamu kepadaKu.”

---

<sup>43</sup> *Ibid.*,

<sup>44</sup> ‘Abd Karim Zaydan (1976), *Usul al-Da’wah*, c. 2. Iskandariyyah: Dar ‘Umar Ibn al-Khattab li al-Tiba ‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’, h. 17.

Tauhid *Uluthiyah* juga merupakan asas dakwah baginda s.a.w. dan diikuti umat baginda iaitu menyeru manusia kepada kebenaran. Lantaran itu, kalimah syahadah menjadi rukun Islam yang pertama yang wajib diyakini dengan sepenuhnya.

Tauhid *al-Uluthiyah* ini juga disebut tauhid *al-ibadah*, kerana ia bermaksud mengesakan Allah S.W.T. dengan segala bentuk ibadah dalam pengertian yang lebih umum.<sup>45</sup> Kalau Tauhid *Rububiyyah* berhubung dengan perbuatan Tuhan, maka tauhid *al-Uluthiyah* ini berhubung dengan perbuatan hamba seperti doa, takut, tawakal, taubat, ingin, gerun, nazar, meminta tolong dan sebagainya daripada segala cabang ibadah.<sup>46</sup> u

Dari padauraian di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya Tauhid *al-Uluthiyah* ini ditekankan dan diutamakan dalam pendidikan keimanan yang akan menjadi teras pembinaan peribadi muslim kerana pemahaman dan penghayatan kepada tauhid *al-Uluthiyah* akan membawa seseorang manusia ke kemuncak tujuan hidupnya sebagai hamba Allah yang sesuai dengan tujuan dia diciptakan, sebagaimana firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ  


Surah al-Dzariyat (51): 56

Maksudnya:

---

<sup>45</sup> Ahmad Ibn Taimiyyah dan Muhammad ‘Abd Wahab (t.t), *Majmu’ Fataawa*, j. 1 h. 14.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 64.

*“Dan (ingatlah) Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Ibadat dan pengabdian diri tanpa berbelah bagi kepada Allah itulah matlamat akhir kepada tauhid ini dan sekaligus ia merupakan peranan hidup seorang muslim sepanjang hayat di dunia ini.

### 3. Tauhid al-*Asma' wa al-Sifat*

Tauhid al-*Asma' wa al-Sifat* ini membawa maksud mengEsakan Allah dari sudut segala namaNya dan sifatNya. Hanya Allah sahaja yang layak bersifat dan memiliki sifat kesempurnaan. Justeru, menjadi kewajipan kepada semua mukmin agar beriman dengan sifat-sifat dan nama-nama Allah yang agung dan mulia, ini bersetujuan dengan firman Allah:

قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَنَ ۚ أَيَا  
مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْخُبُّنَ ۚ وَلَا  
تَجَهَّرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَآبَغْ  
بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

Surah al-Isra' (17): 110

Maksudnya:

*“ Katakanlah (wahai Muhammad): Serulah nama “Allah” atau nama “al-Rahman”, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya dan gunalah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.”*

Tauhid al-Asma' wa al-Sifat adalah salah satu cara dalam mencapai *ma'rifah* kepada Allah iaitu dengan memahami nama-nama Allah S.W.T. yang baik serta sifat-sifatNya yang luhur dan tinggi.<sup>47</sup> Jumlah nama-nama Allah yang baik adalah sembilan puluh sembilan.

Kesimpulannya, Tauhid al-Asma' wa al-Sifat merupakan salah satu cara kepada manusia agar dapat mengenal Allah dengan lebih dekat. Sebelum itu, ia menjadi kewajipan kepada orang yang beriman agar memahami dengan sebaiknya nama-nama dan sifat-sifat Allah agar tidak berlaku sebarang penyelewengan. Ini kerana Allah sama sekali tidak menyerupai dan menyamai sifat-sifat makhluk dan sifat-sifat makhluk juga sama sekali tidak menyamai dengan sifat-sifat Allah. Hanya Allah sahaja yang mengetahui sifat dan zatNya tersendiri.

---

<sup>47</sup> Sayyid Sabiq (1988), *op.cit.*, h. 32.

Ketiga-tiga tauhid yang telah dinyatakan di atas merupakan perkara asas dalam usaha mengenal dan menanam keyakinan yang mendalam terhadap Allah S.W.T. dan seterusnya akan membawa iman yang teguh dan kukuh kepadaNya.

### 2.3.2 Percaya Kepada Malaikat

Prinsip akidah yang kedua ialah beriman kepada Malaikat. Beriman kepada Malaikat bermaksud keyakinan yang teguh terhadap kewujudan makhluk Allah yang dicipta daripada cahaya iaitu Malaikat yang tidak pernah melakukan perkara yang dilarang oleh Allah malah melaksanakan tugas mengikut suruhan daripadaNya.<sup>48</sup> Allah S.W.T. telah berfirman dalam al-Quran:

إِنَّمَا يُنَزَّلُ مِنْ رَبِّهِ  
وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ يَعْلَمُ بِآيَاتِنَا وَمَا يُنَزَّلُ  
وَكُلُّهُمْ يَعْلَمُ بِآيَاتِنَا وَمَا يُنَزَّلُ  
مِنْ رَبِّنَا وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا  
غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Surah al-Baqarah (2) : 285

<sup>48</sup> Muhammad Na ‘im Yasin (1979), *op.cit.*, h. 32.

*Maksudnya :*

*“ Rasul Telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhan-Nya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali."*

Malaikat merupakan makhluk yang diciptakan dari cahaya dan tidak bersifat seperti manusia. Malaikat juga terpelihara daripada segala kesalahan dan menjadi makhluk yang paling taat dan setia kepada Allah. Malaikat tergolong dalam makhluk-makhluk ghaib yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Walaupun begitu, kita wajib beriman dengan mereka dan beriktikad bahawa setiap malaikat mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Jumlah dan bilangan malaikat tidak diketahui. Hanya Allah sahaja yang mengetahuiNya.

Seperti yang dinyatakan di atas, setiap malaikat mempunyai tugas masing-masing yang mengatur alam semesta seperti mengirimkan angin, udara, menurunkan hujan, menumbuhkan tanaman dan lain-lain.<sup>49</sup> Tidak disaksikan oleh mata kasar manusia dan tidak mungkin dapat dicapai melalui pancaindera lain. Mereka sentiasa menyertai manusia sepanjang hidup sehingga kematian manusia.

---

<sup>49</sup> Sayyid Sabiq (1988), *op.cit.*, h. 187.

### 2.3.3 Percaya Kepada Rasul

Allah S.W.T. mewajibkan ke atas setiap muslim supaya beriman kepada semua rasul yang diutus olehNya tanpa membezakan antara satu sama lain.<sup>50</sup> Dalam hal ini Allah berfirman:

قُولُوا إِمَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا  
أُنْزِلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ  
وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَى  
وَعِيسَى وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ  
لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَهْدِي مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُمْ  
 مُسْلِمُونَ

Surah al-Baqarah (2): 136

*Maksudnya:*

“ Katakanlah (hai orang-orang mukmin): "Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Isma'il, Ishaq, Ya'qub dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhan mereka. kami tidak membeda-bedakan seorangpun diantara mereka dan kami Hanya tunduk patuh kepada-Nya".

<sup>50</sup> Mahmud Shaltut (1980), *al-Islam: Aqidah wa Shar'i'ah*, Qaherah: Dar al-Shuruq, h. 18.

Rasul ialah seorang manusia yang bersifat lelaki, merdeka dan diwahyukan oleh Allah kepadanya dengan perantaraan malaikat Jibril a.s. supaya menyampaikan segala perintah Allah kepada manusia.<sup>51</sup> Sekiranya tidak diperintahkan supaya menyampaikan atau mengikut syariat rasul sebelumnya maka digelar nabi.

Bilangan rasul yang wajib diketahui adalah 25 orang rasul. Para rasul wajib bersifat dengan sifat *al-amana*, *al-Siddiq*, *al-Tabligh* dan *al-Fatanah*. Allah telah memilih beberapa orang rasul di kalangan mereka dengan memberi pelbagai ujian dan cabaran dalam menyampaikan risalah dan dakwah kepada umatnya. Mereka digelar ‘Ulul al-‘Azmi. Rasul ‘ulu al’Azmi ialah nabi Muhammad s.a.w., nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Nuh a.s. dan Nabi Isa a.s.

#### **2.3.4 Percaya Kepada Kitab**

Prinsip Akidah yang keempat ialah beriman kepada kitab samawi yang diwahyukan oleh Allah kepada para RasulNya.<sup>52</sup> Beriman dengan kitab-kitab samawi bermaksud membenarkan segala yang telah diwahyukan oleh Allah dan kalimah Allah adalah kalimah yang benar dan yang hak.<sup>53</sup> Firman Allah:

---

<sup>51</sup> Abdullah Irwani (1988), *Asas-asas Akidah Islam*, Abdul Majid Abdullah (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 35.

<sup>52</sup> ‘Abd Rahman Hasan (1997), *op.cit.*, h. 465

<sup>53</sup> ‘Abd Majid ‘Aziz al-Zindani dan ‘Abd Allah al-Wazzaf (1992), *al-Iman*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 105.

ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ



الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَا

رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Surah al-Baqarah (2) : 2-3

*Maksudnya:*

“Kitab (Al Quran) Ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan shalat, dan menafkahkan sebahagian rezki yang kami anugerahkan kepada mereka.”

Firman Allah lagi :

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقاً لِّمَا بَيْنَ

يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ الْتَّوْرَةَ وَالإِنجِيلَ

مِنْ قَبْلُ هُدًى لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ إِنَّ

الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَيْنِهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ

وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو أَنْتِقَامٍ

Surah al-Imran (3) : 3-4

*Maksudnya:*

*“Dia menurunkan Al Kitab (Al Quran) kepadamu dengan Sebenarnya; membenarkan Kitab yang Telah diturunkan sebelumnya dan menurunkan Taurat dan Injil. Sebelum (Al Quran), menjadi petunjuk bagi manusia, dan dia menurunkan Al Furqaan. Sesungguhnya orang-orang yang kafir terhadap ayat-ayat Allah akan memperoleh siksa yang berat; dan Allah Maha Perkasa lagi mempunyai balasan (siksa).”*

Setiap kitab samawi yang diturunkan kepada umat manusia adalah sebagai panduan hidup dan petunjuk kepada umat-umat tertentu mengikut masa dan zaman. Kitab-kitab samawi yang telah diturunkan kepada rasul-rasulNya ialah:

1. Kitab Taurat kepada Nabi Musa a.s.
2. Kitab Injil kepada Nabi Isa a.s.
3. Kitab Zabur kepada Nabi Daud a.s
4. Kitab al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w

Kitab al-Quran merupakan kitab yang agung dan tinggi nilainya serta tiada bandingan dengan mana-mana syair mahupun tulisan yang dikarang oleh manusia. Ini kerana, al-Quran merupakan kitab yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan malaikat Jibril a.s.. Al-Quran al-karim adalah kitab samawi yang terakhir diturunkan untuk umat akhir zaman. Dan dengan itu terbatallah semua kitab-kitab terdahulu yang turun sebelumnya.<sup>54</sup>

---

<sup>54</sup> Abdullah Irwani (1988), *op.cit.*, h. 37

### **2.3.5 Percaya Kepada Hari Kiamat**

Beriman kepada hari akhirat adalah prinsip akidah yang kelima. Wajib ke atas setiap muslim agar meyakini berlakunya hari kebangkitan manusia. Selain itu beriman dengan hari akhirat adalah meliputi dengan meyakini berlakunya tanda-tanda kiamat sama ada tanda-tanda kecil mahupun besar sebagai isyarat kepada manusia. Adanya fitrah kubur, nikmat syurga dan neraka, neraca timbangan amalan, pemberian buku amalan, syafaat Nabi Muhammad s.a.w. yang diizinkan Allah dan sebagainya yang telah dikhabarkan di dalam al-Quran dan hadith.<sup>55</sup>

Saat ketibaan hari kiamat masih menjadi rahsia kepada manusia dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Walaupun begitu Allah telah memberi peringatan kepada manusia dengan memberi beberapa isyarat. Terdapat dua tanda yang diberikan oleh Allah iaitu tanda-tanda kecil menandakan kiamat hampir tiba dan tanda-tanda besar menandakan kiamat semakin hampir berlaku.<sup>56</sup>

Beriman dengan hari akhirat termasuk beriman dengan akan berlakunya kebangkitan semula manusia Allah akan menghidupkan kembali seluruh umat manusia daripada Nabi Adam a.s. sehingga ke umat Nabi Muhammad s.a.w. . Selain itu, wajib juga beriman dengan suratan amalan iaitu ibarat buku cacatan yang telah dicatatkan oleh malaikat *Raqib* dan ‘*Atid* sepanjang hidup manusia. Mukmin yang beriman akan

---

<sup>55</sup> ‘Abd al-Majid ‘Aziz al-Zindani dan ‘Abd Allah al-Wazzaf (1992), *op.cit.*, h. 121.

<sup>56</sup> Al-Sayyid al-Sabiq (1988), *op.cit.*, h. 409.

menerima buku catatan amalan melalui tangan kanan dan jika sebaliknya maka akan menerima buku catatan amalan melalui belakangnya.<sup>57</sup>

Di samping itu, setiap mukmin wajib beriman dengan neraca timbangan amalan, adanya syafaat baginda s.a.w. kepada golongan yang mengikut serta mengamalkan apa yang telah diwahyukan oleh Allah S.W.T. dan meyakini wujudnya kolam nabi ini, dia tidak akan dahaga selama-lamanya serta meyakini bahawa setiap umat manusia pasti akan melalui titian *al-sirat al-Mustaqim* yang terbentang di atas neraka jahanam. Terdapat manusia yang melintasinya secepat kilat, ada yang merangkak dan ada yang lebih dahsyat daripada itu. Hal ini menurut kadar amalan masing-masing.<sup>58</sup>

Selain itu, wajib ke atas mukmin beriman dengan wujudnya syurga dan neraka. Syurga adalah tempat yang penuh kenikmatan yang tidak dapat digambarkan oleh sesuatu yang terdapat di dunia kerana ia tidak dapat dilihat oleh mata manusia, tidak didengar oleh pendengaran manusia dan tidak pernah terlintas di hati manusia. Begitu juga dengan neraka. Ia merupakan tempat yang penuh dengan keseksaan dan azab yang pedih yang ditimpakan ke atas orang-orang kafir dan yang melanggar perintah Allah. Seterusnya wajib beriman dengan adanya seksaan kubur dan nikmatnya. Seksaan kubur berlaku selepas anak adam itu dikebumikan dan akan didatangi malaikat munkar dan nakir yang menanya tentang Tuhannya, agamanya dan nabinya. Kubur orang beriman

---

<sup>57</sup> *Ibid.* h. 421.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 168

dipenuhi dengan nikmat manakala kubur orang yang melakukan kezaliman pula dipenuhi dengan seksaan.<sup>59</sup>

Demikianlah, hal yang tersebut bakal berlaku dan ia termasuk dalam perkara-perkara ghaib yang wajib diyakini oleh setiap mukmin dengan sepenuh hati. Keyakinan yang benar adalah terbina daripada sumber-sumber yang sahih yang terdapat dalam al-Quran dan hadith. Beriman dengan hari akhirat merupakan kunci keamanan di muka bumi dan merupakan batu penghalang daripada manusia melakukan kemungkaran dan kezaliman di muka bumi.

### **2.3.6 Percaya Kepada Qada' Dan Qadar**

Beriman dengan Qada' dan Qadar merupakan prinsip akidah yang keenam dan mengingkari Qadar Allah maka akan terkeluarlah dari agama Islam.<sup>60</sup>

Dalam menghuraikan makna Qada' dan Qadar, ulama telah berselisih pendapat mengenainya. Qada' bermaksud Allah Mengetahui sejak azali lagi setiap sesuatu yang terjadi adalah mengikut ilmu dan kehendakNya, manakala Qadar pula bermaksud Allah menjadikan sesuatu secara terperinci dan bertepatan dengan Qada'Nya. Setengah ulama mendefinisikan Qada' dengan pengertian Qadar dan Qadar dengan pengertian Qada'.

---

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 169.

<sup>60</sup> Muhammad Na 'im Yasin (1979), *op.cit.*, h. 165.

Hajar dalam penjelasannya mengenai hadith Ibn ‘Umar tentang iman katanya; Qada’ dan Qadar adalah Allah mengetahui sesuatu sejak mula sebagaimana yang ada sekarang manakala Qadar adalah Allah menjadikan sesuatu bertepatan dengan apa yang diketahuiNya.<sup>61</sup>

Setiap mukmin hendaklah beriman bahawa segala yang baik dan yang buruk, manfaat atau mudharat, bergerak atau diam ia adalah daripada takdir Allah. Walaupun begitu seseorang itu masih mempunyai pilihan sama ada yang telah ditentukan oleh Allah memilih ke arah kebaikan atau keburukan bukan dengan paksaan semata-mata. Rezeki<sup>62</sup> dan ajal merupakan Qadar yang telah ditentukan oleh Allah Sejas azali lagi. Seorang hamba tidak akan meninggal dunia selagi tidak memakan semua rezeki yang telah ditetapkan dan memenuhi batas waktu ajalnya.<sup>63</sup>

Faedah yang diperolehi hasil daripada beriman dengan Qada’ dan Qadar ialah:

1. Menjauhkan manusia daripada perasaan hasad dengki.
2. Membentuk jiwa yang berani dan sentiasa memohon taufik dan hidayah Allah.
3. Menggalakkan mukmin menuaikan Ibadah dan menjadi hamba yang bersyukur di atas setiap kurniaaNya.
4. Melahirkan jiwa yang kental dengan bergantung harap hanya lepada Allah.

---

<sup>61</sup> Abdullah Irwani (1988), *op.cit.*, h. 39

<sup>62</sup> *Ibid.*, h. 28

<sup>63</sup> *Ibid.*

## 2.4 Konsep Taklif Dalam Akidah

*Taklif* ialah membebankan seseorang dengan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Allah. Seseorang yang layak untuk dibebankan dengan tanggungjawab atau ditujukan perintah Allah mestilah seorang yang dapat memahaminya, mempunyai akal fikiran yang sempurna dan orang yang mempunyai akal fikiran yang sempurna ialah seseorang yang mencapai umur dewasa atau *baligh*. Apabila seseorang itu *baligh*, dia tidak lagi dinamai kanak-kanak dan dia bertanggungjawab ke atas setiap perbuatannya dan dia merupakan seorang yang *mukallaf*. Kanak-kanak belum lagi mencapai umur dewasa dan belum mempunyai akal fikiran yang sempurna, justeru itu kanak-kanak belum dianggap sebagai *mukallaf*.<sup>64</sup>

Antara definisi *mukallaf* yang diberikan oleh ahli ilmu, (*usul fiqh*) ialah seseorang yang dipertanggungjawabkan dan terikat dengan perintah Allah tentang hukum-hukum<sup>65</sup> atau seseorang yang terikat setiap tindak-tanduknya dengan perintah Allah. Berdasarkan definisi ini dapatlah difahami bahawa, *mukallaf* ialah seseorang yang ditujukan kepadanya perintah Allah yang mengandungi hukum-hukum tentang setiap bentuk tindak-tanduknya (perbuatan pancaindera, perasaan hati, perkataan dan bukan perkataan).

Kriteria bagi seorang yang *mukallaf* ialah berakal dengan sempurna dan dewasa. Para fuqaha' kadang-kadang menggunakan istilah *mukallaf* atau *taklif* dan ada juga yang

---

<sup>64</sup> Alwi Hj. Abd. Rahman (1999), *op.cit.*, h. 9.

<sup>65</sup> Badran Abu al-'Inayn Badran (1969), *Usul al-Fiqh*, Kaherah : Dar al-Ma'arif, h. 425.

menggunakan istilah *al-'aql wa al-bulugh* (berakal dan dewasa) sebagai ganti kepada dua istilah yang pertama tadi.<sup>66</sup>

Sehubungan dengan umur baligh, al-Bayhaqi telah meriwayatkan :

*'Hukum-hukum syara' dikaitkan dengan bulugh (umur baligh) hanya selepas Hijrah. Sebelum Hijrah hingga tahun Khandaq, ia dikaitkan dengan umur tamyiz'.<sup>67</sup>*

Riwayat al-Bayhaqi tersebut menjelaskan bahawa hukum syara' dikenakan ke atas seorang yang baligh selepas berlakunya hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah.<sup>68</sup> Sebelum Hijrah sehingga tahun peperangan Khandaq,<sup>69</sup> hukum syara' dikenakan ke atas kanak-kanak yang masih lagi *mumaiyyiz*.

Riwayat ini juga menunjukkan bahawa, sebelum Hijrah sehingga tahun peperangan Khandaq, seseorang yang *mumaiyyiz* sudah dianggap sebagai *mukallaf*, tetapi selepas Hijrah, berlaku perubahan iaitu seseorang yang *mumaiyyiz* belum lagi dianggap sebagai *mukallaf*, sebaliknya orang yang baligh sahaja dianggap sebagai *mukallaf*.

Kesimpulannya, *mukallaf* ialah seorang yang dewasa dan mempunyai akal fikiran yang sempurna untuk memahami hukum-hukum dalam syari 'at Islam yang berkaitan

<sup>66</sup> Kamal al-Din Muhammad bin 'Abd. Al-Wahid al-Siwasiy Ibn al-Humam (1389H/1970), *Sharh al-Fath al-Qadir*, j. 5. Kaherah: Mustafa al-Halabi, h. 356.

<sup>67</sup> 'Abd al-'Ali Muhammad bin Nizam al-Din al-Ansari (1324H), *Fawatih al-Rahamut bi Sharh Musallam al-Thubut*, dicetak bersama al-Ghazali, *al-Mustasfa*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 154-155.

<sup>68</sup> Berlaku pada tahun 622M.

<sup>69</sup> Terdapat beberapa riwayat yang berbeza tentang tarikh berlakunya peperangan Khandaq. Menurut riwayat al-Waqidi di dalam bukunya *Kitab al-Maghazi*, Ed. Marsden Jones, Ed. Ke-3, 'Alam al-Kutub, Beirut, 1404H/1984, jld.2, h. 440, ia berlaku pada bulan Zulkaedah tahun 5H ; menurut Ibn Hisham di dalam bukunya *al-Sirah al-Nabawiyyah*, dicetak bersama al-Suhayli, *al-Rawdu al-Unuf fi Tafsir al-Sirah al-nabawiyyah li Ibn Hisham*, Dar al-Jayl, Kaherah, (t.t). jld. 3, h. 258, ia berlaku pada bulan Syawal tahun 5H ; sementara menurut pengiraan Muhammad Hamidullah di dalam bukunya *The Battlefields of Prophet Muhammad*, Center Cultural Islamique, Paris Series No.3, 1392H/1973, Hyderabad-Deccan, h. 29, ia berlaku pada 8-29 Syawal 5H/6-27 Disember 623M.

dengan setiap tindak-tanduknya dan mempunyai kelayakan yang cukup untuk menerima tanggungjawab (*taklif*) yang ditetapkan oleh Allah dan dia dinamai *mukallaf*.

Menurut Imam Ja'far kuasa manusia (*al-istita'ah*) yang diisyaratkan pada taklif adalah sebelum melakukan perbuatan. Maka kuasa ini akan kekal sehingga masa perbuatan itu dilakukan. Contohnya Allah mengurniakan kekuasaan kepada manusia sewaktu diwajibkan untuk mentaatiNya dan mwenjauhi larangan-laranganNya. Pengurniaan tersebut menyebabkan mereka berkuasa melakukannya.<sup>70</sup>

Menurut beliau lagi yang dimaksudkan dengan kekuasaan (*al-istita'ah*) manusia terbahagi kepada empat ciri utama:

- i) Bebas daripada sebarang perkara yang boleh menghalang daripada melakukannya.
- ii) Sihat tubuh badan.
- iii) Tidak ada sebarang kecacatan pada anggota tubuh badan.
- iv) Allah menyediakan ruang dan keadaan untuk melakukannya.<sup>71</sup>

Ini bermakna, kekuasaan manusia untuk melakukan sesuatu bergantung kepada cirri-ciri tersebut. Penekanannya terletak kepada keinginan seseorang terhadap sesuatu tindakan diikuti dengan kesempurnaan anggota tubuh badan.<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup> Abu Ja'far Muhammad bin 'Ali Hussayn bin Musa bin Babawayh al-Qummi Al-Saduq, (1387 H), *al-Tawhid*, Teheran : Maktabah al-Saduq, h. 344-353.

<sup>71</sup> Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub bin Ishaq al-Kulayni (1381), *al-Usul Min al-Kafi*, c. 2. Teheran : Maktabah al-Saduq, h. 226. Lihat juga Ahmad Zuhdi Ismail (2006), *Imam Ja'far al-Sadiq Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 96.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 97.

## 2.5 Kepentingan Pendidikan Akidah

Secara umumnya kepentingan pendidikan akidah memang tidak dapat dinafikan lagi. Ia penting kepada semua manusia yang beragama Islam.

Berhubung dengan persoalan kepentigan akidah dalam kehidupan seseorang muslim, sebagaimana yang dinyatakan oleh Zakaria Stapa akidah merupakan perkara yang cukup asas dan mendasar sekali. Ia bagaikan ‘batang’ yang subur kepada sepoohon pokok, iaitu semua dahan dan ranting pokok berkenaan amat memerlukannya bagi mendapatkan ruang untuk tumbuh dan berkembang di atasnya. Demikianlah *tamsilnya*, apabila akidah yang benar dan tidak terseleweng diperlukan oleh seseorang manusia untuk menjadi asas bagi membolehkan semua amal kebaikan sehariannya, yang dilakukannya demi untuk mencari keredaan Allah S.W.T, diterima dengan baik. Ini kerana akidah yang tidak benar dan terseleweng bagaikan ‘batang’ pokok yang tidak subur dan kering serta tidak mungkin boleh menumbuhkan dahan atau ranting. Ini akan menyebabkan pemiliknya menjadi kafir dan Allah S.W.T sekali-kali tidak akan menerima amalan golongan orang kafir.<sup>73</sup>

Asas kepada kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat ialah akidah.<sup>74</sup> Akidah adalah asas yang penting dan menjadi tapak tempat berdirinya peribadi mukmin. Kalau kita ibaratkan manusia itu seperti pokok kayu, maka akidah ialah sebagai akar tunjang bagi pokok itu. Maka Islam dapat tegak dan kekal dalam peribadi seseorang itu hanya

---

<sup>73</sup> Zakaria Stapa (1999), *op.cit.*, h. 6-7.

<sup>74</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 27.

dengan ada kekuatan akidah, tanpa akidah yang kuat Islam hanyalah sebagai simbol lahiriah. Sebaliknya akidah yang kuat akan menghasilkan peribadi yang baik. Islam ialah amalan lahiriah manakala akidah atau iman ialah amalan yang berhubung rapat dengan hati (batin). Tindak tanduk seseorang adalah pancaran dari akidah dan kepercayaan yang bersemadi dalam hati dan fikirannya. Jika akidah seseorang itu baik maka akan baiklah segala tingkah laku dan perbuatannya. Sebaliknya jika akidah buruk maka akan menjadi buruklah tingkah lakunya.<sup>75</sup>

Akidah merupakan roh bagi setiap orang. Bagi orang yang berpegang teguh kepadanya ia akan hidup dengan sempurna dan gembira tetapi kalau ia tidak menjadikan akidah sebagai pegangan maka mereka akan tersesat dalam liku-liku kehidupan. Sebab itulah manusia yang lemah akidah dia tidak merasa malu untuk melakukan kemaksiatan dan kejahatan, sama ada di tempat sunyi atau pun di tempat-tempat awam, sebaliknya mereka yang memiliki akidah yang sempurna dia akan dapat memiliki sifat kasih sayang, tolong menolong, bantu-membantu dan nasihat-menasihati dan sebagainya dari sifat-sifat yang baik.<sup>76</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w.:

---

<sup>75</sup> Abdul Rahman Muhammad (1998), *Pengertian Akidah Islam*. c. 3. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, h. 5.

<sup>76</sup> Ahmad Bin Ibrahim (2000), “Peranan Akidah Dan Kepentingannya” (Kertas Kerja Seminar Saudara Baru di Balai Islam Lundang Kota Bharu, t.t), h. 12.

Bermaksud:

“ Tidak beriman seseorang itu sehingga ia merasa kasih dan sayang kepada saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri.”<sup>77</sup>

Jika akidah begitu penting, maka pendidikan untuk menanam dan memperolehi akidah juga penting. Begitu juga pendidikan untuk menyubur dan membangunkan akidah. Akidah semestinya ditanam sejak kecil lagi, iaitu zaman kanak-kanak. Mengabaikan pendidikan akidah untuk kanak-kanak menyebabkan kerosakan berlaku sama ada akibat daripada kejahilan ataupun menurut hawa nafsu.

Tanpa akidah, manusia akan hilang piawaian nilai dalam menentukan segala aktiviti dan perbuatannya. Begitu juga tanpa akidah, segala perbuatan yang baik tidak akan bererti. Di akhirat nanti segala amal perbuatan yang baik tidak akan diterima oleh Allah S.W.T kalau akidahnya salah atau menyeleweng.<sup>78</sup> Allah berfirman : surah al-Maidah ayat 5 :

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الْذِينَ  
أُوتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّهُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ

---

<sup>77</sup> Abu Zakariya bin Sharaf al- Nawawi, (1999), *Sharh Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab La Yu’min Ahadukum Hatta Yuhibb li Akhiah Ma Yuhibb li Nafsih, no. hadith: 45, 1-3. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 212

<sup>78</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *op.cit.*,h. 27.

هُمْ  
 وَالْمُحْسَنُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ  
 وَالْمُحْسَنُونَ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ  
 قَبْلِكُمْ إِذَاءَاتَتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصَنِينَ  
 غَيْرُ مُسَفِّحِينَ وَلَا مُتَخَذِّلِينَ أَخْدَانٍ  
 وَمَنْ يَكُفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلَهُ  
 وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Surah al-Ma ‘idah (5) : 5

Maksudnya:

*“Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (Dan dihalalkan mangawini) wanita yang menjaga kehormatan diantara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al Kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kawin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. Barangsiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam) maka hapuslah amalannya dan ia di hari kiamat termasuk orang-orang merugi.”*

Ayat al-Qur’ān di atas menggariskan hanya Islam dan iman yang dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Oleh itu para ibu bapa dan

guru hendaklah menyedari hakikat ini dengan meletakkan kedua-duanya lebih penting daripada yang lain.

Tanpa akidah atau iman, hidup seseorang itu bagaikan bulu ditiuang angin, terumbang-ambing, tiada arah tuju, tidak tetap dan teguh pendirian. Seseorang itu juga tidak mempunyai harga diri dalam hidupnya, tanpa sebarang erti, kerana ia tidak mengenal hakikat dirinya. Apakah rahsia kewujudannya di dunia ini? Siapakah yang memberi hidup kepadanya? Untuk apa diberi hidup ini? Dan kenapa pula setelah beberapa tempoh waktu ditarik balik hidup ini? Segala soalan yang tidak pernah terjawab dan kalau terjawab pun sudah tentu tidak menepati jawapan yang sebenar.

Tanpa akidah hidup manusia laksana haiwan yang rakus atau binatang buas yang ganas. Tidak mengenal batas dan sempadan, kebuasan dan keganasannya tidak boleh dihalang dan disekat oleh sebarang undang-undang dan peraturan.

Dalam konteks masyarakat, tanpa akidah bererti masyarakat rimba, sekalipun sudah berada di kemuncak kemajuan sains dan ketamadunan material. Kerana hidup pada keseluruhannya berlangsung semata-mata untuk orang yang lebih kuat dan berkuasa. Bukan untuk orang yang paling baik dan bertaqwah. Itulah masyarakat yang rosak dan sesat. Kerana yang menjadi tujuan dan matlamat setiap anggotanya tidak lain dan tidak lebih daripada kepentingan perut dan kepuasan seks sahaja.<sup>79</sup>

---

<sup>79</sup> Muhammad ‘Abd. Hamid Bin Muhammad al-Ghazali (t.t), *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, j. 3. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 33.

Golongan inilah yang digambarkan oleh al-Qur'an seperti mana firman Allah S.W.T:

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا  
الصَّالِحَاتِ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَرُ<sup>ص</sup> وَالَّذِينَ كَفَرُوا يَتَمَتَّعُونَ وَيَأْكُلُونَ  
كَمَا تَأْكُلُ الْأَنْعَمُ وَالنَّارُ مَثَوًى هُمْ



Surah Muhammad (47): 12.

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah memasukkan orang-orang mukmin dan beramal saleh ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Dan orang-orang kafir bersenang-senang (di dunia) dan mereka makan seperti makannya binatang. Dan jahannam adalah tempat tinggal mereka”

Jadi hanya dengan akidah sahajalah manusia akan mengenal tujuan dan matlamat hidupnya serta tugas dan kewajipan dalam kelangsungan hidupnya.

## 2.6 Keistimewaan Akidah Islam

Akidah Islam adalah akidah yang unggul dan mempunyai keistimewaan tertentu yang tidak terdapat pada akidah yang lain. Ini kerana akidah Islam diwahyukan oleh Tuhan yang Maha Hebat dan tiada tandingannya di kalangan makhluk yang diciptakanNya. Antara keistimewaan akidah Islam adalah seperti berikut:

1. Akidah *Rabbaniyyah*.<sup>80</sup>

Akidah Islam bersifat Rabbani, ertinya akidah yang dicipta oleh *Rabb al ‘alamin*. Akidah Islam bukanlah daripada pemikiran manusia atau makhluk walau bagaimana agung dan tinggi sekalipun pemikiran tersebut.<sup>81</sup>

2. Akidah yang jelas.

Akidah Islam begitu jelas dan terang, tidak ada kecaburan dan kerumitan. Malah terus terang pada dasarnya mengatakan bahawa di sebalik alam ciptaan yang indah dan tersusun dengan rapi ini mesti ada Pencipta Yang Maha Esa, yang menentukaan segala sesuatu, Dialah Tuhan yang tiada sekutu bagiNya, tiada saingen, tiada yang menyerupaiNya dan segala sesuatu tunduk patuh kepadaNya.

Firman Allah:

---

<sup>80</sup> Muhammad Sulaiman Yasin (1985), *Islam Dan Aqidah*. Selangor: Al-Amri Sdn.Bhd., h. 279.

<sup>81</sup> Abdul Rashid Ahmad (2003), *op.cit.*, h. 56.

وَقَالُوا أَتَخْذَ اللَّهُ وَلَدًا  
 لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
 لَهُ قَنْتُونَ

Surah al-Baqarah (2): 116.

*Maksudnya:*

*Mereka (orang-orang kafir) berkata: "Allah mempunyai anak." Maha Suci Allah, bahkan apa yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah; semua tunduk kepada-Nya.*

Inilah akidah yang sesuai dengan sifat semula jadi atau tabiat manusia yang sentiasa ingin kembali kepada “sebab yang tunggal itu Pencipta”. Akidah Islam dapat menunaikan keinginan tersebut yang tidak terdapat pada agama lain seperti akidah Kristian dengan teori trinitinya yang sulit dan kabur.<sup>82</sup>

### 3. Akidah fitrah.

Akidah Islam tidaklah asing dan bertentangan dengan fitrah semula jadi manusia. Malah ia menepati dan selaras dengan tuntutan fitrah manusia.<sup>83</sup> Hal ini jelas diterangkan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya:

---

<sup>82</sup> *Ibid.*, h. 56.

<sup>83</sup> *Ibid.*, h. 57.

فَأَقْمِرْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ  
 الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ  
 لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الَّذِي أَنْعَمْ  
 وَلِكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

(Surah al-Ruum (30): 30.

Maksudnya:

*“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”*

#### 4. Akidah yang tetap.

Akidah Islam ialah akidah yang tetap dan tepat, tidak menerima penambahan dan pengurangan, perubahan dan penyesuaian. Tiada satu kuasa pun berhak untuk berbuat demikian, setiap apa jua tokok tambah perubahan atau penyesuaian dengan sendirinya tertolak. Akidah Islam kukuh kerana ia dipelihara oleh Allah S.W.T.<sup>84</sup>

#### 5. Akidah yang berasaskan bukti.

---

<sup>84</sup> Ibid., h. 58

Ketetapan dan kebenaran akidah Islam tidak memadai hanya dengan kepastian dari atas semata-mata. Akidah Islam tidak pernah mengatakan: “Percayailah sekalipun anda buta” atau “berimanlah kemudian engkau mengetahui” dan sebagainya. Bahkan terus terang al-Qur’ān menjelaskan dalam firman-Nya:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ  
هُدًّا أَوْ نَصَرَىٰ قَلْ تِلْكَ أَمَانِيْهُمْ  
قُلْ هَاتُوا بُرْهَنَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
 صَدِيقِنَ

Surah al-Baqarah (2): 111.

Maksudnya:

“Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata: "Sekali-kali tidak akan masuk surga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani." Demikian itu (hanya) angan-angan mereka yang kosong belaka. Katakanlah: "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu adalah orang yang benar."

Selain daripada itu akidah Islam tidak cukup hanya berbicara dengan hati dan perasaan, dan tidak hanya bergantung kepada kedua-duanya sahaja sebagai asas

berakidah, tetapi setiap isu akidah yang dikemukakan tetap dibentang dengan hujah yang mematahkan, alasan yang terang dan bukti yang nyata. Aspek ini nanti akan diterima oleh akal sebagai jalan menuju kepada hati dan iman. Sebagai buktinya dapat dilihat daripada al-Qur'an sewaktu membentangkan isu *uluhiyah* (ketuhanan), ditegakkan dengan bukti-buktii kejadian alam, diri manusia dan pelbagai sejarah kehidupan sepanjang zaman. Kesemua itu adalah untuk menunjukkan kewujudan dan keesaan Allah S.W.T.<sup>85</sup>

#### 6. Akidah pertengahan

Akidah Islam tidak ada padanya unsur-unsur melampau dan cuai. Pertengahan antara kepercayaan yang menafikan metafizik iaitu alam ghaib yang tidak dirasa oleh pancaindera dengan kepercayaan yang mengakui banyak tuhan, malahan ada antaranya yang mempercayai penjelmaan roh tuhan ke dalam diri para raja dan pemerintah. Bahkan lebih daripada itu boleh menjelma ke dalam binatang dan tumbuh-tumbuhan. Akidah Islam menafikan kemulhidan (ateisme) seperti menafikan konsep berbilang tuhan dan menafikan penyekutuan penuh kepalsuan, tetapi sebaliknya mengakui wujudnya Tuhan Yang Maha Esa, yang tiada Tuhan melainkan Dia.<sup>86</sup>

#### 7. Akidah yang tunggal

Akidah Islam hanyalah satu dan tunggal yang bersumberkan daripada Allah Yang Maha Esa lagi Maha Tinggi, diturunkan kepada seluruh umat manusia dalam sepanjang sejarahnya. Sejak Adam a.s hingga ke zaman kerasulan Nabi Muhammad s.a.w tanpa

---

<sup>85</sup> Yusuf al-Qaradawi (1983), *al-Iman Wa al-Hayah*, c. 2. Kaherah: Matba 'ah al-Istiqlal al-Kubra, h. 47-49.

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 60.

ada perubahan atau perkembangan, kerana tidak ada apa yang dinamakan perkembangan dalam akidah, sebaliknya akidah itulah yang menjadi asas kepada perkembangan dan perubahan manusia dalam membina hidup dan tamadunnya.<sup>87</sup>

#### 8. Akidah yang menyeluruh

Akidah Islam menyeluruh dan seimbang. Menyeluruh dalam erti kata merangkum dan meliputi segala aspek hakikat dan tabiat insan, dan segala aspek itu pula seimbang dalam suatu susunan *tabii*. Begitu juga meliputi segala peringkat dan lapisan masyarakat manusia kerana Allah yang mencipta manusia, yang sudah pasti mengetahui segala keperluan dan kepentingan mereka pada setiap tempat dan masa.<sup>88</sup>

Itulah antara keistimewaan akidah Islam yang tidak ada pada akidah-akidah lain.

### 2.7 Taqlid Dalam Akidah

Menurut Kamus Dewan, taqlid ialah pegangan pada pendapat ahli hukum yang muktabar atau percaya bulat-bulat kata orang dan menurut sahaja.<sup>89</sup>

---

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> *Ibid.*, h. 280.

<sup>89</sup> Noresah Baharom (2007), *op.cit.*, h. 1576.

Jumhur Ulama' Usul berpendapat, tidak boleh bertaklid dalam masalah usul yang berkaitan dengan akidah seperti beriman kepada Allah dan beriman dengan sifat-sifat Allah S.W.T sama ada sifat yang wajib, mustahil atau harus bagi-Nya. Bahkan wajib bagi setiap orang mengkaji dan meneliti dalil *ijmali* walaupun dia ádalah orang awam.<sup>90</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya *Al-Wasit Fi- Usul Fiqh Al-Islam*, taqlid dari segi istilah ialah mengambil perkataan orang lain tanpa mengetahui sebab dan dalilnya. Beliau juga berpendapat dalam persoalan yang berkaitan dengan kenabian dan perkara-perkara berkaitan dengannya yang *thabit* secara *qat'i*, tidak boleh bertaqlid dalam hal ini. Golongan yang bertaqlid dalam hal ini dinamakan مؤمن عاصي kerana tidak menggunakan akal fikiran.

Pendapat yang lebih ekstrim ialah pandangan jumhur Mu'tazilah dan Asya 'irah, iaitu mereka melabelkan golongan yang bertaklid dalam soal akidah sebagai golongan yang tidak beriman kepada Allah S.W.T.<sup>91</sup> Hujjah-hujjah mereka ialah:

- i. Mengkaji dan meneliti dalil tidak mengganggu urusan harian. Hal ini kerana masalah usul adalah terbatas dan setiap orang mampu menguasai dalil secara *ijmali*.
- ii. Manusia diperintahkan supaya mendapatkan ilmu itu secara yakin dalam masalah usul iaitu berlandaskan hujjah.
- iii. Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 190:

---

<sup>90</sup> Mohd. Salleh Haji Ahmad (1999), *Pengantar Syariah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 184.

<sup>91</sup> Zarina Salleh (1994), "Konsep Taqlid Dalam Pembinaan Hukum: Amalan Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", (Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 14.

ان فی خلق السموت والارض واختلف اللیل و النهار لآیت لأولی الألباب

- iv Tidak boleh bertaqlid kerana hukum taqlid pada syara' adalah tercela.

Al-Syafi'i yang mengharuskan taqlid dalam soal akidah, bahkan sebahagian daripada mereka berpendapat, taqlid dalam akidah adalah wajib dan bagi mereka yang menggunakan akal adalah haram.<sup>92</sup> Hujjahnya ialah, jika mengkaji usul adalah wajib maka sudah tentu para sahabat menyuruh berbuat demikian. Selain itu, sekiranya wajib mengkaji dalam soal usul, tentu perkara tersebut termaktub dalam nas.<sup>93</sup>

Jika ditinjau dari pendapat beberapa ulama', taqlid membawa maksud mengambil pendapat orang lain pada sesuatu perkara tanpa mengetahui sumber atau dalil pengambilan hukum yang dikeluarkan.

Namun bagi al-Ghazali, kanak-kanak boleh bertaqlid dalam perkara akidah bahkan bertaqlid dalam perkara akidah pada peringkat ini tiada beza sama ada dengan mempelajari dalil ataupun tanpa dalil. Ini kerana, kanak-kanak lahir secara fitrah dan menerima Allah S.W.T. sebagai Tuhan. Mengkaji dalil akidah adalah suatu yang di luar kemampuan akal kanak-kanak.<sup>94</sup>

## 2.8 Kesimpulan

---

<sup>92</sup> Zarina Salleh (1994), *op.cit*, hal. 14

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Muhammad 'Abd Hamid al-Ghazali (1992), *Ihya' 'Ulum al-Din , Takhrij al-Hafiz al-'Iraqi*, jld. 1. Beirut: Dar al-Jil, h. 127.

Daripada huraian-huraian atau definisi-definisi akidah yang dijelaskan itu, maka dapatlah disimpulkan bahawa akidah Islam adalah akidah yang mulia dan unggul. Akidah Islam adalah berdasarkan kepada sumber yang sah iaitu al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah kepada hamba pilihanNya yang terbaik di kalangan manusia dan segala kata-kata dan perbuatan rasulNya menjadi panduan dan pedoman dalam kehidupan manusia merangkumi semua aspek. Semua ini terangkum dalam prinsip-prinsip akidah yang utama iaitu asas ketuhanan, kenabian dan asas perkara *ghaib* terutamanya penerimaan adanya hari kiamat dan pembalasan selepas kehidupan manusia.

Akidah Islam yang ada dalam hati umat Islam kini, semakin rapuh dan goyah menyebabkan Islam yang berada di muka bumi ini mudah diperlekehkan oleh penganut-penganut agama lain. Semua ini adalah berpunca dari sikap manusia yang semakin lali dan tidak merasakan keistimewaan dan kepentingan akidah dalam kehidupan seharian. Pada hakikatnya, akidah adalah benteng utama dalam diri manusia daripada gejala negatif yang semakin menular kini.

Akidah adalah suatu kekuatan paling utama bagi menguasai segala tindakan dan perilaku seseorang. Oleh sebab itu, setiap perkataan dan gerak geri yang terkeluar daripada seseorang adalah menggambarkan sejauh mana jiwanya terikat dengan akidah, termasuklah segala lintasan hati, perasaan dan bayangan khayalan. Dengan yang demikian menunjukkan bahawa kesemuanya tidak akan terlepas daripada kuasa aktif itu (akidah). Aspek ini tepat dengan pandangan bahawa akidah merupakan otak bagi segala

tindakan. Apabila sebahagiannya rosak, maka akan mengakibatkan sebahagian besar menjadi rosak dan akhirnya menyeleweng daripada jalan yang lurus.

Ringkasnya akidah merupakan dimensi yang menjadi kewajipan ke atas setiap muslim beriman dengannya. Keimanan dan kepercayaan itu hendaklah dengan *tasdiq* yang *jazim* disertai dengan perasaan redha dan kepuasan (senang hati) sebagaimana digambarkan dalam al-Quran :

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا  
مَنْ أُكْرِهَ وَقُلْبُهُ مُطْمَئِنٌ بِآلِيمَنِ  
وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفُرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ  
غَضَبٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ



Surah al-Nahl (16) : 106.

Maksudnya:

“Barangsiapa yang *kafir* kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa *kafir* padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menimpanya dan baginya azab yang besar.”

